

|             |                                     |
|-------------|-------------------------------------|
| Headline    | <b>VADS bangun sistem jimat kos</b> |
| Date        | <b>02 Jul 2011</b>                  |
| MediaTitle  | <b>Berita Harian</b>                |
| Section     | <b>Ekonomi</b>                      |
| Journalist  | <b>N/A</b>                          |
| Frequency   | <b>Daily</b>                        |
| Circ / Read | <b>192,982 / 1,521,000</b>          |

|              |                           |
|--------------|---------------------------|
| Language     | <b>Malay</b>              |
| Page No      | <b>36</b>                 |
| Article Size | <b>253 cm<sup>2</sup></b> |
| Color        | <b>Black/white</b>        |
| ADValue      | <b>7,165</b>              |
| PRValue      | <b>21,496</b>             |



# VADS bangun sistem jimat kos

Bina platform perkomputeran awan guna perisian sumber terbuka

Oleh Mohd Zaky Zainuddin

[zaky@bharian.com.my](mailto:zaky@bharian.com.my)

**V**ADS Bhd (VADS), anak syarikat Telekom Malaysia Bhd (TM) mengukuhkan lagi perniagaannya dengan membangunkan sistem perkomputeran awan yang disasarkan kepada firma, sektor kerajaan serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Ini susulan kerjasama syarikat itu dengan MIMOS Bhd untuk membangunkan platform perkomputeran awan dikenali Cloud Computing VADS yang menggunakan perisian sumber terbuka.

Perkhidmatan disokong sistem 'Cloud' yang dipatenkan itu akan ditawarkan kepada pelanggan sebagai sebahagian daripada perkhidmatan VADS dan ia dijangka dilancarkan menerusi ujian peringkat beta Ogos ini.

Perkomputeran awan merujuk kepada penggunaan dan akses pelbagai sumber komputer menerusi rangkaian sambungan Internet atau Rangkaian Akses Luas (WAN).

Penggunaanya boleh mengakses sumber seperti perisian menggunakan komputer, komputer riba, telefon pintar dan pelbagai peranti lain.

Ketua Eksekutif VADS, Ghazali Omar, berkata fasa pertama pembangunan perkhidmatan itu membabitkan pelaburan RM6 juta dan ia kemudiannya akan ditingkatkan menerusi rangkaian protokol Internet (IP) berkelajuan tinggi milik TM.

Beliau menambah, perkhidmatan itu akan dikendalikan 14 pusat data VADS di seluruh negara dan diuruskan pangkalan pengguna berskala besar bagi menjamin perkhidmatan terbaik.

Menerusi sumber terbuka, katanya, pengguna boleh menggunakan perisian dalam pelbagai sistem, sekali gus tidak hanya bergantung kepada satu syarikat pembekal.

"Perkomputeran awan bukan perkara baru, namun apa yang kami tawarkan berbeza kera-

|             |                                     |              |                           |
|-------------|-------------------------------------|--------------|---------------------------|
| Headline    | <b>VADS bangun sistem jimat kos</b> | Language     | <b>Malay</b>              |
| Date        | <b>02 Jul 2011</b>                  | Page No      | <b>36</b>                 |
| MediaTitle  | <b>Berita Harian</b>                | Article Size | <b>253 cm<sup>2</sup></b> |
| Section     | <b>Ekonomi</b>                      | Color        | <b>Black/white</b>        |
| Journalist  | <b>N/A</b>                          | ADValue      | <b>7,165</b>              |
| Frequency   | <b>Daily</b>                        | PRValue      | <b>21,496</b>             |
| Circ / Read | <b>192,982 / 1,521,000</b>          |              |                           |

na menggunakan sumber terbuka yang dapat menjimatkan kos pengguna ketika mengendalikan sistem itu berbanding sistem sedia ada.

“Kerjasama dengan MIMOS adalah sebahagian komitmen syarikat membawa perkhidmatan ICT terurus ke tahap yang lebih tinggi dengan menawarkan penyelesaian yang cekap dan boleh dipercayai,” katanya pada sidang media selepas majlis memeterai perjanjian antara VADS dan MIMOS di Kuala Lumpur, semalam.

Ghazali dan Naib Presiden Perkhidmatan ICT VADS, Zulkapli Mustafa memeterai perjanjian itu bagi pihak VADS manakala MIMOS diwakili Presiden dan Ketua Eksekutifnya, Datuk Abdul Wahab Abdullah serta Ketua Operasinya, Ab-

dul Aziz Abdul Kadir.

Ia disaksikan Pengerusi VADS yang juga Ketua Eksekutif TM, Datuk Seri Zamzamzairani Mohd Isa dan Pengerusi MIMOS, Datuk Suriyah Abdul Rahman.

Mengulas mengenai fasa berikutnya, Ghazali berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan beberapa rakan niaga lain untuk membangunkan fasa kedua yang membabitkan perisian dan perkakas.



*Perkomputeran awan bukan perkara baru, namun apa yang kami tawarkan berbeza kerana menggunakan sumber terbuka yang dapat menjimatkan kos*

*pengguna ketika mengendalikan sistem itu*

**Ghazali Omar**  
Ketua Eksekutif VADS

